

Head Office:
 Wisma MCIS, Jalan Barat,
 46200 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia

Postal Address:
 P.O. Box 345, Jalan Sultan,
 46916 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia

T +603 7652 3388
 F +603 7957 1562
 E customerservice@mcis.my
 W www.mcis.my

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK		MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan M-Health Secure. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.		M-Health Secure
		XXXX

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

M-Health Secure ialah pelan perubatan tunggal tanpa penyertaan yang boleh diperbaharui secara tahunan yang menyediakan penghospitalan dan perbelanjaan pembedahan disebabkan oleh penyakit atau kecederaan yang tidak disengajakan sehingga umur 100 hari jadi berikutnya. Ia menawarkan pelbagai pilihan deduktibel dan pelan untuk dipilih.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Pelan ini memberi perlindungan berikut:

No	KETERANGAN MANFAAT	Pelan 150 Ringgit Malaysia (RM)
	Had-had	
1	Had Tahunan Keseluruhan	1,000,000
2	Had Seumur Hidup Keseluruhan	Tanpa Had
3	Deduktibel ¹ (Setiap Tahun Polisi dan diguna pakai untuk perkara 4 sehingga 19, 21, 24 dan 25)	500
	Manfaat-manfaat Hospital dan Pembedahan	
4	Bilik dan Penginapan Hospital ² (Had sehari dan terhad kepada 150 hari setiap Tahun Polisi)	150
5	Manfaat Penjaga Harian (Had sehari dan terhad kepada 150 hari setiap Tahun Polisi)	75
6	Unit Rawatan Rapi (Terhad kepada 150 hari setiap Tahun Polisi)	
7	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (2 lawatan sehari dan terhad kepada 150 hari setiap Tahun Polisi)	
8	Bekalan dan Perkhidmatan Hospital	
9	Yuran Pembedahan (Penjagaan selepas Pembedahan dalam tempoh 150 hari selepas Penghospitalan)	
10	Yuran Bilik Pembedahan	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim
11	Yuran Pakar Bius	
12	Yuran Ambulans	
13	Pemindahan Organ (Sekali seumur hidup)	
14	Pembedahan Penjagaan Harian	
15	Cukai Barang dan Perkhidmatan	
16	Yuran Kemasukan Hospital dan Yuran Laporan Perubatan	Seperti Yang Dicaj, terhad kepada 100 setiap kemasukan
	Manfaat Rawatan Pra-Penghospitalan	
17	Rawatan Pra-Penghospitalan (Dalam tempoh 90 hari sebelum Penghospitalan)	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim
	Manfaat Rawatan Selepas Penghospitalan	
18	Rawatan Selepas Penghospitalan - termasuk Fisioterapi (Dalam tempoh 150 hari selepas Penghospitalan)	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim
19	Selepas Penghospitalan - Perubatan Tradisional Cina, Kiropraktik, Chiroprody, Homeopati, Osteopati dan Akupunktur (Had setiap lawatan dan terhad kepada 150 hari selepas Penghospitalan)	Tidak berkenaan
	Manfaat-manfaat Rawatan Pesakit Luar	
20	Rawatan Kecemasan Pesakit Luar akibat Kemalangan (Had setiap Kemalangan, maksimum 30 hari dari tarikh Kemalangan untuk rawatan susulan)	1,500
21	Rawatan Demam Denggi Pesakit Luar (Had setiap Tahun Polisi)	1,500
22	Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim
23	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	
	Manfaat Lain	
24	Pendapat Perubatan Kedua (Dalam tempoh 90 hari sebelum Penghospitalan)	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim
25	Penjagaan Kejururawatan Di Rumah (Terhad kepada setiap Penghospitalan dan terhad kepada 180 hari untuk seumur hidup)	3,000
26	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan (Had sehari dan terhad kepada 150 hari setiap Tahun Polisi)	75

Nota-nota:

- 1 Bergantung kepada Deduktibel yang dipilih, Pemilik Polisi mesti terlebih dahulu membayar amaun tetap yang bersamaan dengan Deduktibel yang dipilih sebelum jumlah Perbelanjaan-perbelanjaan Layak yang ditanggung akan dibayar oleh MCIS Insurance Berhad, tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan. Rawatan yang didapatkan di Hospital Kerajaan Malaysia atau disebabkan oleh Rawatan Kecemasan adalah tidak tertakluk kepada Deduktibel.
- 2 Sekiranya Hayat yang Diinsuranskan Dimasukkan ke Hospital pada kadar Bilik dan Penginapan Hospital yang lebih tinggi daripada manfaat kelayakan, Pemilik Polisi perlu membayar lebihan jumlah caj Bilik dan Penginapan Hospital.

Tempoh perlindungan bagi pelan ini adalah boleh diperbaharui sehingga umur Hayat yang Diinsuranskan sembilan puluh sembilan (99) hari jadi berikutnya, dengan perlindungan tamat pada umur Hayat yang Diinsuranskan satu ratus (100) hari jadi berikutnya.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jangkaan premium yang anda perlu bayar: RM2,477.21 (Tahunan).

Premium berbeza bergantung kepada keperluan-keperluan pengunderaitan MCIS Insurance Berhad. Premium di atas dikenakan ke atas risiko piawai.

Tempoh premium: 97 tahun

Premium Tahunan untuk Kelas Pekerjaan 1 adalah berdasarkan pelan yang anda pilih.

Umur Pada Hari Jadi Berikutnya	PREMIUM TAHUNAN (RM)	
	LELAKI	
	PELAN 150	
1	3,090.57	
2	2,783.89	
3	2,477.21	
4	2,477.21	
5	1,663.17	
6 - 10	1,663.17	
11 - 15	1,663.17	
16 - 20	2,560.19	
21 - 25	2,764.62	
26 - 30	2,586.87	
31 - 35	2,472.44	
36 - 40	2,655.72	
41 - 45	2,983.32	
46 - 50	3,931.62	
51 - 55	4,555.65	
56 - 60	5,203.40	
61 - 65	9,032.68	
66 - 70	9,575.07	
71 - 75 ³	14,366.17	
76 - 80 ³	17,240.82	
81 - 85 ³	20,690.41	
86 - 90 ³	22,760.16	
91 - 95 ³	25,036.89	
96 - 100 ³	27,541.29	

³ Terpakai untuk pembaharuan sahaja

Nota-nota:

- a) Premium berubah berdasarkan umur Hayat yang Diinsuranskan pada hari jadi berikutnya, jantina, pelan yang dipilih, pilihan Deduktibel, kelas pekerjaan dan penarafan perubatan, yang mana berkennaan.
- b) Premium adalah tidak dijamin. MCIS Insurance Berhad berhak untuk menyemak semula kadar premium jika pengalaman tuntutan sebenar adalah lebih teruk daripada yang dijangkakan dengan memberikan anda notis bertulis tiga puluh (30) hari lebih awal.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen yang dibayar kepada ejen insurans untuk tempoh 7 tahun akan datang:

Tahun Polisi	1	2	3	4	5	6	7+
% daripada Premium Tahunan	15.00%	15.00%	15.00%	15.00%	15.00%	15.00%	15.00%
Amaun (RM)	371.58	371.58	249.48	249.48	249.48	249.48	249.48

Nota-nota:

- a) Komisen sebanyak 15% daripada premium tahunan (seperti yang ditunjukkan di atas dalam jadual dalam S3) akan dibayar setiap tahun sehingga akhir tempoh polisi. Jadual di atas menunjukkan komisen yang perlu dibayar dalam tempoh 7 tahun akan datang.
- b) Komisen di atas dikira berdasarkan kekerapan bayaran premium tahunan.

5. Apakah terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- a) Kepentingan Pendedahan - Anda hendaklah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan, pekerjaan dan nyatakan umur anda dengan betul.
- b) Tempoh Bertenang - Anda boleh membatalkan pelan anda dalam tempoh lima belas (15) hari selepas anda menerima polisi tersebut.
- c) Premium yang telah dibayar tolak dengan sebarang perubatan yang ditanggung akan dibayar balik kepada anda tanpa faedah.
- d) Tempoh Menunggu - Kelayakan untuk manfaat di bawah pelan ini hanya akan bermula tiga puluh (30) hari selepas tarikh berkuatkuasa pelan, kecuali bagi kecederaan disebabkan oleh kemalangan.
- e) Amaun yang boleh dituntut adalah berdasarkan "seperti yang dicaj" cth. bayaran balik caj-caj sebenar mengikut bil perubatan anda, tertakluk kepada had maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- f) Deduktibel - Anda mesti terlebih dahulu membayar amaun yang bersamaan dengan Deduktibel yang dipilih sebelum jumlah Perbelanjaan Layak yang ditanggung akan dibayar oleh MCIS Insurance Berhad, tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan.
- g) Pembaharuan polisi adalah tidak dijamin. Melainkan diperbaharui, MCIS Insurance Berhad tidak akan bertanggungjawab sama sekali untuk sebarang perbelanjaan yang berlaku selepas polisi terhenti.
- h) Pelan ini mungkin layak untuk pengecualian cukai di bawah insurans perubatan, tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia. Sila rujuk kepada LHDN atau penasihat cukai anda untuk maklumat lanjut.
- i) Prosedur Tuntutan - Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur dan borang tuntutan daripada laman web korporat kami di www.mcis.my, hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami atau mengunjungi cawangan yang terdekat dengan anda.
- j) Hospital Panel - Untuk senarai panel hospital/pembekal perubatan yang terbaru, sila rujuk laman web korporat kami di www.mcis.my, hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami atau mengunjungi cawangan yang terdekat dengan anda.

Nota: Senarai di atas tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi.

6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

Pelan ini tidak melindungi sebarang Penghospitalan, Pembedahan atau caj-caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) daripada kejadian berikut:

- a) Keadaan Sedia Ada; atau
- b) Sebarang Ketidakupayaan (kecuali untuk Kecederaan) dan tanda-tanda atau gejala-gejala yang muncul dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Kuatkuasa Insurans; atau
- c) Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari dari Tarikh Kuatkuasa Insurans; atau
- d) Kejururawatan peribadi, rawatan rehat pulih atau penjagaan sanitaria, dadah haram, mabuk (termasuk tetapi tidak terhad kepada alkohol dan dadah), pensterilan, penyakit kelamin dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), Keadaan Berkaitan AIDS (ARC) dan penyakit berkaitan Virus Kurang Imun Manusia (HIV), dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang; atau
- e) Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.

Nota: Senarai di atas tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap di bawah polisi.

7. Bolehkah saya membatalkan pelan saya?

Anda boleh membatalkan pelan anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium tertentu dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan ke atas polisi dalam tahun polisi tersebut. Ini tidak terpakai jika anda telah memilih pilihan pembayaran premium bulanan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menjurut sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil insuranceinfo mengenai 'Insurans Perubatan & Kesihatan'. Anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen insurans atau dengan melayari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftaran: 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Alamat Pos : Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-7652 3388
Faks : 03-7957 1562
Emel : customerservice@mcis.my
Laman Web : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Perubatan dan Kesihatan yang serupa tersedia.

Sila tanya MCIS Insurance Berhad atau ejen anda untuk jenis perlindungan lain yang serupa yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad.

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHWA PELANINI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

SEKIRANYA TERDAPAT KONFLIK TAFSIRAN ANTARA BAHASA INGGERIS DAN BAHASA MALAYSIA ATAU KEKABURAN YANG TIMBUL DARIPADA TERJEMAHAN KEPADA BAHASA MALAYSIA, TEKS BAHASA INGGERIS DAN TAJSIRANNYA AKAN DIUTAMAKAN.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada XXXX